



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

**KENYATAAN TAWARAN SEWAAN TAPAK EKSPLO / KARNIVAL DI JALAN SULTAN YUSUF IZZUDIN
(HADAPAN KFC), LUMUT 2021/1442H**

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan aktiviti seperti berikut :-

Bil.	Butiran Ekspo/ Karnival	Tarikh Permohonan dan Tarikh Tutup	Kelayakan Syarikat dan Dokumen Yang Diperlukan
1.	<p>No Rujukan: Bil. (1) dlm MPM(JPP)700-3/6/1 Jld.4</p> <p>Tajuk: Sebut Harga Sewaan Tapak Ekspo / Karnival di Jalan Sultan Yusuf Izzudin (Hadapan KFC) Lumut 2021/1442H</p> <p>Lokasi: Jalan Sultan Yusuf Izzudin (Hadapan Kfc), Lumut 2021</p> <p>Tarikh Ekspo: 1 Mei 2021 sehingga 30 Mei 2021 (30 hari)</p>	<p>Tarikh Permohonan: 21 April 2021 sehingga 23 April 2021</p> <p>Masa: 8.15 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.15 petang</p> <p>Tarikh Tutup: 23 April 2021</p> <p>Masa: 3.00 petang</p>	<p>Kelayakan Syarikat: 1. Bumiputera 2. Berdaftar dengan SSM</p> <p>Dokumen Yang Diperlukan: 1. Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan (Kategori 7) 2. Dokumen Sebut Harga Sewaan 3. Salinan SSM 4. Salinan Kad Pengenalan 5. Kertas Kerja Maklumat Pemilik Syarikat & Syarikat, Objektif, Acara & Aktiviti Ekspo)</p> <p>*Dokumen Yang Lewat Tidak Akan Diterima *Dokumen No 1 & 2 boleh didapatkan di Kaunter Pelesenan (Aras G)</p>

Peringatan:

1. Penyebut harga dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai penyewa melalui link <https://forms.gle/USmiRyCw7gXJuR9L8> atau dengan mengimbas QR Code ini:



2. Semua dokumen yang diperlukan mestilah dikemukakan di dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk tawaran berkenaan di penjurong kiri dan di alamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Jalan Pinang Raja, 32040 Seri Manjung dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga / Tender di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan sebelum jam 3.00 petang mengikut tarikh tutup yang telah ditetapkan.
3. Hanya dokumen yang lengkap sahaja akan diproses.
4. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.


(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, AMP.)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Manjung

Pihak tuan perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut :

1. Tidak menimbulkan kacau ganggu di kawasan perniagaan. **Waktu operasi mulai 10.00 pagi hingga 11.00 malam sahaja. Sebarang aktiviti nyanyian, muzik yang dijalankan hendaklah dihentikan sebelum jam 11.00 malam.**
2. **Hendaklah Mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN). Peniaga yang mempunyai gejala penyakit COVID-19 atau pernah melawati lokasi berdekatan zon merah yang dinyatakan Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah tidak dibenarkan untuk menyertai karnival.**
3. Bilangan khemah yang dibenarkan untuk didirikan di tapak ekspo adalah 11-unit khemah bersaiz 20'x20' sahaja.
4. **Aktiviti memasak dan penyediaan meja makan minum untuk pelanggan tidak dibenarkan sama sekali dan aktiviti hendaklah dijalankan di tempat yang diluluskan sahaja.**
5. Sekiranya permit perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman, semua pengendali makanan dan pekerja diwajibkan menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Malaysia atau Majlis dan mendapatkan suntikan tifod pelalian TY2.
6. **Barang-barang jualan yang dibenarkan ialah yang bersesuaian dengan karnival dan tidak dibenarkan menjual barangan tiruan.**
7. Penjualan bunga api dan mercun adalah dilarang sama sekali.
8. **Penganjuran hiburan awam dan pertunjukan pentas (jika ada) perlu mendapat kelulusan lesen hiburan awam daripada Pejabat Daerah Manjung.**
9. Pemasangan kain rentang dan gantung perlu mendapat kelulusan pihak Majlis dan mematuhi garis panduan lesen iklan sementara yang ditetapkan.
10. Meletakkan papan tanda lalu lintas secukupnya seperti lencongan, tanda AWAS dan kon keselamatan serta lampu amaran pada waktu malam dan sebagainya.
11. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian kecederaan atau kemalangan pengunjung yang datang ke tapak karnival.
12. Penganjur bertanggungjawab di atas keselamatan orang ramai semasa acara berlangsung dan membuat surat akuan pelepasan tanggungjawab Majlis Perbandaran Manjung sekiranya berlaku apa-apa kemalangan kepada pengunjung/orang ramai.
13. Sebarang syarat yang dikenakan adalah tertakluk kepada pindaan dasar dan polisi Majlis dari masa ke semasa.
14. Kerja-kerja pembersihan di keseluruhan tapak karnival adalah di bawah tanggungjawab penganjur dan wajib dilaksanakan **secara harian** sepanjang tempoh aktiviti karnival berlangsung. Diantara tanggungjawab penganjur adalah termasuk:-
 - 14.1. Kerja-kerja sapuan keseluruhan premis, jalan dan keseluruhan tapak karnival.
 - 14.2. Pihak Majlis hanya melaksanakan kutipan di Tong Kompektor sahaja.
 - 14.3. **Sila ambil maklum bahawa bayaran wang cagaran yang dikenakan adalah bagi memastikan tuan mematuhi syarat-syarat kelulusan Majlis. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran syarat seperti para 1 hingga 14, wang cagaran tersebut akan dirampas.**
1. Pihak Majlis Perbandaran Manjung boleh meluluskan penganjuran seperti ini di lokasi berhampiran dan tidak terikat dengan mana-mana penganjur.
2. **Pihak Majlis Perbandaran Manjung berhak membatalkan kelulusan ini dan menyenaraihitamkan permohonan tuan pada masa akan datang sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.**
3. Setiap Penganjur, Peniaga dan Pengunjung perlulah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti berikut:
 - 17.1. **Syarat-syarat Pengunjung:**
 - 17.1.1. Kanak-kanak berumur 13 tahun dan kebawah serta warga tua (60 tahun keatas) tidak dibenarkan masuk ekspo
 - 17.1.2. Hanya 2 wakil bagi setiap keluarga
 - 17.1.3. Digalakkan membawa beg guna semula / beg sendiri / beg kitar semula
 - 17.1.4. Pengunjung perlu merancang masa pembelian
 - 17.1.5. Bilangan pengunjung adalah mengikut nisbah 1 gerai : 2 pengunjung

17.1.6. Tempat menunggu dengan jarak 1 meter

17.2. Syarat-syarat Peniaga:

- 17.2.1.1. Sentiasa bersedia dan memberi kerjasama ketika semakan di lakukan oleh mana-mana agensi pihak berkuasa tempatan.
- 17.2.1.2. Kapasiti pekerja : 2 peniaga setiap gerai/khemah
- 17.2.1.3. Diwajibkan memakai face mask / face shield
- 17.2.1.4. Diwajibkan memakai sarung tangan plastik
- 17.2.1.5. Diwajibkan memakai apron pakai buang plastik
- 17.2.1.6. Digalakkan menggunakan beg guna semula / beg sendiri / beg kitar semula

17.3. Syarat-syarat Tambahan Penganjur:

- 17.3.1.1. Memastikan pematuhan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- 17.3.1.2. Pendaftaran MySejahtera dan saringan suhu badan di laluan masuk
- 17.3.1.3. Kawalan oleh Penganjur / RELA di laluan masuk dan keluar
- 17.3.1.4. Kawalan jumlah pengunjung yang munasabah dalam satu-satu masa
- 17.3.1.5. Kaedah laluan secara satu hala sahaja (one-way)
- 17.3.1.6. Pihak penganjur hendaklah memastikan peniaga dan pengunjung tidak membuang sampah / sisa makanan serta minuman di kawasan yang tidak dibenarkan
- 17.3.1.7. Penganjur bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembersihan dan kebersihan tapak
- 17.3.1.8. Permit boleh ditarik semula jika terdapat pelanggaran mana-mana syarat